

23 FEBRUARI 2017

## Dividen LTAT 12 peratus

**KUALA LUMPUR 22 Feb.** - Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan pembayaran dividen dan bonus pada kadar 12 peratus kepada ahli-ahlinya yang layak dengan melibatkan nilai keseluruhan RM685.5 juta.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kadar yang diisytiharkan kali ini lebih tinggi berbanding purata kadar dividen dan bonus sejak LTAT ditubuhkan iaitu sebanyak 11.3 peratus.

Menurut beliau, bayaran dividen dan bonus berkenaan meliputi enam peratus dividen serta enam peratus bonus khas dalam bentuk unit amanah saham yang akan diberikan secara percuma kepada pencarum yang aktif.

"Dividen dan bonus tersebut akan mula dikreditkan ke dalam akaun ahli-ahli LTAT yang mencarum mulai esok," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Hishammuddin memberitahu, LTAT mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM811 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 sekaligus menunjukkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus berbanding RM766.8 juta pada tahun sebelumnya.

Beliau menambah, LTAT memiliki aset bernilai RM9.5 bilion setakat 31 Disember 2016, peningkatan sebanyak 2.2 peratus berbanding RM9.3 bilion pada 2015.

Kata beliau, akaun caruman LTAT bagi tahun kewangan berakhir 2016 pula berjumlah RM8.6 bilion berbanding RM9 bilion pada tahun sebelumnya.



**Bagi tahun 2016, LTAT telah memproses permohonan pengeluaran caruman berjumlah RM1.7 bilion daripada 11,179 pencarum yang tamat perkhidmatan."**

**HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**  
Menteri Pertahanan

"Bagi tahun 2016, LTAT telah memproses permohonan pengeluaran caruman berjumlah RM1.7 bilion daripada 11,179 pencarum yang tamat perkhidmatan," katanya.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata, LTAT juga telah melaksanakan pelbagai pembayaran, insentif dan sumbangan termasuk pembayaran kepada 1,952 pencarum yang layak membeli kediaman pertama atau tanah untuk membina rumah di bawah Skim Pengeluaran Perumahan LTAT dengan melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM15.9 juta.